



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/05/2012

Usaha wujud perpaduan tak patut dihalang: Dr M

LANGKAWI: Pemimpin tertinggi PAS yang berbeza pendapat dengan Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung kesediaannya mengadakan muzakarah dengan UMNO diminta tidak menghalang usaha itu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha membawa UMNO dan PAS bertemu serta berbincang secara terbuka perlu disokong semua pihak yang cintakan perpaduan.

"Kenapa perlu ada orang nak halang (muzakarah). Kalau datang nak cakap, boleh cakap dan masing-masing boleh beri pendapat kerana muzakarah adalah ruang untuk bercakap.

"Ini bukan sekali cakap boleh ada persetujuan. Soal setuju atau tidak dengan pendapat dalam muzakarah, itu soal lain," katanya ketika ditemui selepas merasmikan bangunan baru Tenaga Nasional Berhad (TNB), di sini, semalam.

Beliau mengulas kesediaan Nik Abdul Aziz bermuzakarah dengan UMNO, namun beberapa pemimpin PAS, termasuk Setiausaha Agungnya, Datuk Mustafa Ali dan Naib Presiden, Datuk Mahfuz Omar menolak cadangan itu.

Dr Mahathir berkata, UMNO dan PAS hendaklah mengadakan pertemuan itu atas dasar keikhlasan dan bukan mengambil kesempatan pilihan raya umum semakin hampir bagi menarik sokongan.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, penduduk Langkawi perlu memberi kerjasama untuk membolehkan agensi kerajaan dan swasta melaksanakan projek pembangunan bagi menarik lebih ramai pelancong.

"Kita perlu menara di Langkawi bagi menarik pelancong. Malangnya, ada orang langgar masuk tanah dikhaskan untuk menara ini. Difahamkan ada hasutan untuk menghalang pembinaan menara ini.

"Kalau hendak kata penduduk tidak dapat nikmat hasil pengisytiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai, saya rasa itu tanda kita tidak bersyukur," katanya.

